




RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

2026 – 2030



ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
Perutusan Pengerusi MDA	i
Perutusan Ketua Eksekutif MDA	ii
Perutusan Pengarah Bahagian Teknologi dan Maklumat MDA	iii
Pengenalan	1
Pendekatan Metodologi Pembangunan PSP	2
Tadbir Urus Projek	3
<i>Organizational Landscape Map View (OLMV) MDA</i>	4
Visi dan Misi MDA	5
Visi dan Misi Pendigitalan	6
Teras Strategik ICT dan Objektif	7
Strategi dan Program ICT	9
Pelan Pelaksanaan	23
Penutup	30

PERUTUSAN Pengerusi PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas kejayaan menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PSP MDA). Tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam penyediaan dokumen strategik ini.



Ekosistem peranti perubatan yang semakin kompleks menuntut transformasi pendigitalan menyeluruh bagi memperkukuh tadbir urus berasaskan data, meningkatkan kecekapan operasi, serta memenuhi keperluan pematuhan dan jangkaan pihak berkepentingan. Pendigitalan ini membolehkan MDA memperoleh gambaran menyeluruh tentang kitar hayat peranti perubatan serta memperkukuh keupayaan pemantauan, pematuhan, dan penguatkuasaan melalui sistem digital yang selamat serta bersepadu.

Penyediaan PSP MDA merupakan satu inisiatif strategik yang tepat pada masanya sebagai pelan hala tuju ke arah membangunkan ekosistem kawal selia peranti perubatan yang cekap, inklusif, dan mampan. Diharapkan pelan ini dapat memacu perubahan berimpak tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan kawal selia serta meningkatkan produktiviti warga kerja MDA. Komitmen dan kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif pendigitalan ini dapat direalisasikan secara berkesan dan berterusan.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB
PENGERUSI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

Tahniah diucapkan kepada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan atas kejayaan membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PSP MDA) 2026-2030. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen serta kerjasama padu dalam menjayakan penyediaan PSP MDA ini.



Pelan Strategik Pendigitalan ini merupakan dokumen rujukan utama yang menetapkan hala tuju MDA bagi tempoh lima tahun akan datang. Dokumen ini menggariskan rangka tindakan strategik bagi perancangan dan pelaksanaan program melalui pemanfaatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), khususnya dalam pembangunan sistem aplikasi. Pelaksanaan pelan ini dijangka dapat memperkukuh kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kawal selia peranti perubatan di MDA.

Pelan ini berperanan sebagai panduan strategik dalam mengenal pasti isu, cabaran, kekuatan, serta kelemahan pembangunan ICT bagi mewujudkan sistem aplikasi yang bersepadu, cekap, dan berkesan. Hal ini selari dengan perkembangan teknologi semasa ke arah memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan MDA yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Kesihatan Malaysia serta Jabatan Digital Negara (JDN) atas dedikasi dan usaha gigih dalam pembangunan serta penerbitan PSP MDA ini.

Sekian, terima kasih.

YBRS. DR. MURALITHARAN PARAMASUA
KETUA EKSEKUTIF
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

PERUTUSAN PENGARAH BAHAGIAN DIGITAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2026–2030 dapat dihasilkan dengan jayanya. Pelan ini merupakan satu rangka kerja komprehensif bagi mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan ICT yang terancang untuk tempoh lima tahun bermula dari tahun 2026 hingga 2030.



Bagi memastikan sistem penyampaian pendigitalan sentiasa berada pada tahap terbaik dan berkesan, pelan ini telah mengambil kira semua input dan cadangan daripada setiap domain yang dilantik. Input daripada setiap domain amat penting bagi melengkapkan pelan strategik ini.

PSP MDA 2026–2030 juga diharapkan dapat menyokong teras bisnes MDA sedia ada serta sejajar dengan Pelan Strategik MDA 2024–2028, PSP KKM 2026–2030, dan Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) 2026–2030. Saya juga berharap agar semua pihak dapat memainkan peranan dalam melaksanakan pelan yang telah dirancang bagi mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SALMAN BIN SHA'RI
PENGARAH BAHAGIAN DIGITAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

PENGENALAN

Bagi menyokong kesinambungan agenda Kerajaan Digital negara, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MDA 2026–2030 sebagai dokumen perancangan strategik pendigitalan bagi tempoh lima tahun. Pelan ini menggariskan hala tuju, strategi serta rangka kerja pendigitalan MDA ke arah memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, bersepadu dan berorientasikan pelanggan.

PSP MDA 2026–2030 dirangka selari dengan hala tuju strategik pendigitalan sektor awam dan dasar-dasar utama negara, serta mengambil kira keperluan semasa dan masa hadapan dalam penyampaian perkhidmatan kawal selia peranti perubatan. Pelan ini memberi penekanan kepada pemanfaatan teknologi digital secara menyeluruh bagi menyokong perkhidmatan berteraskan *Government to Government (G2G)*, *Government to Citizen (G2C)*, *Government to Business (G2B)* dan *Government to Employee (G2E)*.

Pelan Strategik Pendigitalan MDA 2026–2030 berfungsi sebagai panduan utama dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan inisiatif serta projek ICT di MDA sepanjang tempoh pelaksanaannya. Melalui pelaksanaan pelan ini, MDA berhasrat untuk mempertingkatkan kecekapan operasi, memperkukuh tadbir urus digital dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, telus dan mampan.

Pembangunan PSP MDA 2026–2030 ini turut mengambil kira kesinambungan pelan strategik terdahulu serta penambahbaikan berterusan berdasarkan penilaian prestasi dan keperluan organisasi, selaras dengan aspirasi transformasi digital sektor awam secara holistik.

PENDEKATAN METODOLOGI PEMBANGUNAN PSP

1

FASA 1 : MOBALISASI

- Menyediakan Dokumen Permulaan Projek
- Memohon Peruntukan Kewangan
- Memohon Kelulusan Pelaksanaan Projek

2

FASA 2 : ANALISIS

- Menganalisis pencapaian PSP
- Menilai persekitaran semasa dan ekspektasi pengurusan
- Menilai persekitaran dan hala tuju ICT semasa
- Mengenal pasti jurang ICT

3

FASA 3 : STRATEGI

- Membangun Visi dan Misi ICT
- Membangun Hala Tuju Strategik ICT
- *Overview* Hala Tuju Strategik ICT

4

FASA 4 : FORMULASI

- Membangunkan Pelan Tindakan ICT
- Menentukan Anggaran Kos dan Keutamaan
- Membangunkan Pelan Pelaksanaan


5

FASA 5 : DOKUMENTASI

- Menyediakan Dokumen PSP MDA
- Mendapatkan Kelulusan Dokumen PSP MDA

TADBIR URUS PROJEK

Satu struktur tadbir urus telah diwujudkan bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan PSP MDA ini.




VISI DAN MISI MDA

VISI MDA

Agensi regulatori peranti perubatan yang mampan dan inklusif bertaraf dunia

MISI MDA

Komited dalam mengawal selia peranti perubatan agar dapat memacu pertumbuhan industri melalui penguatkuasaan undang-undang serta menyampaikan perkhidmatan yang dinamik dan berteknologi tinggi untuk kesejahteraan kesihatan dan juga ekonomi negara




VISI DAN MISI PENDIGITALAN

VISI PENDIGITALAN

Pendigitalan sebagai pemacu kawal selia peranti perubatan yang bersepadu berkualiti dan mampan.

MISI PENDIGITALAN

1. Memperkukuhkan aplikasi dan infrastruktur digital yang mampan dan selamat bagi menyokong perkhidmatan kawal selia peranti perubatan.
2. Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan melalui tatakelola digital dan modal insan yang cekap, telus dan inklusif.



TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF



TERAS STRATEGIK 1 : PEMANTAPAN APLIKASI DIGITAL MDA

1. Mempercepatkan proses kelulusan, pemantauan dan pengurusan peranti perubatan melalui penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan kerja.
2. Membangunkan sistem digital yang bersepadu dan mudah digunakan untuk mengurus semua maklumat peranti perubatan dengan lebih cekap.



TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DIGITAL

1. Menyediakan infrastruktur ICT yang moden, berdaya tahan dan berprestasi tinggi bagi menyokong keperluan operasi dan transformasi digital.
2. Memastikan keselamatan digital menyeluruh melalui kawalan teknikal, tadbir urus berstruktur dan pemantauan bersepadu.
3. Menjamin operasi ICT yang berdaya tahan dan efisien melalui pelaksanaan pelan pemulihan bencana dan automasi.
4. Memastikan peralatan ICT diperolehi, dikonfigurasi dan diurus secara terancang bagi menyokong kecekapan operasi serta kesinambungan perkhidmatan operasi MDA.




TERAS STRATEGIK 3 : PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN MODAL INSAN DIGITAL

1. Meningkatkan kecekapan pengurusan ICT melalui pematuhan kepada piawaian dan garis panduan yang ditetapkan.
2. Membangunkan kepakaran dan kemahiran digital dalam kalangan warga MDA.
3. Meningkatkan keupayaan pengurusan ICT bagi menyokong transformasi digital yang mampan dan berteraskan teknologi baru.

STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

	STRATEGI	PROGRAM	SUBPROGRAM
TERAS STRATEGIK 1 : PEMANTAPAN APLIKASI DIGITAL MDA	4	8	22
TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DIGITAL	2	5	8
TERAS STRATEGIK 3 : PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN MODAL INSAN DIGITAL	2	7	3
JUMLAH	8	20	33

TERAS STRATEGIK 1: PEMANTAPAN APLIKASI DIGITAL MDA



STRATEGI 1 : Pembangunan Aplikasi Baharu



PROGRAM 1

Pembangunan Aplikasi Teras

Objektif :

Membangunkan sistem aplikasi teras baharu yang menyokong fungsi kawal selia, pemantauan dan pengurusan data peranti perubatan secara digital dan bersepadu, selaras dengan keperluan semasa serta inisiatif pendigitalan MDA.



SUBPROGRAM

1. Sistem Penguatkuasaan dan Regulatori MDA - SPear MDA
2. Sistem *Designated Medical Device One-stop Permit System* (DeMOPS) (modul baharu MEDCAST 3.0)



PROGRAM 2

Pembangunan Aplikasi Sokongan

Objektif :

Membangunkan aplikasi sokongan yang dapat melancarkan dan mempercepatkan fungsi sistem teras dengan menyediakan kemudahan pengurusan, pemantauan dan penyelenggaraan yang lebih efisien.



SUBPROGRAM

1. MDA *Training Information and Management System* (Trims).
2. Sistem Pengurusan Pentadbiran Pejabat (MDA *Integrated Digital Administration System* (MiDAS)).
3. Sistem Pengurusan Meja Bantuan MDA.
4. Pembangunan Gudang Data (*Data Warehouse*).

STRATEGI 2: Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada



PROGRAM 1

Penambahbaikan Aplikasi Teras

Objektif :

Menambah baik prestasi dan keupayaan sistem teras sedia ada bagi memastikan kestabilan, keselamatan dan kemudahan capaian pengguna.



SUBPROGRAM

1. *Medical Device Centralised Application System (MEDCAST 3.0)*
2. *Medical Device Centralized Reporting System (MEDCREST)*
3. *Medical Device Authority Register (MDAR)*
4. Sistem e-Permit



PROGRAM 2

Penambahbaikan Aplikasi Sokongan

Objektif :

Menambah baik aplikasi sokongan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan dalaman.



SUBPROGRAM

1. *Feedback Management System (FEMES)*
2. *Medical Device Financial Accounting System (MEDIFAST)*
3. Portal Rasmi MDA

STRATEGI 3: Pengukuhan Integrasi Data Antara Agensi



PROGRAM 1

Integrasi Aplikasi Teras Dan Aplikasi Sokongan MDA

Objektif :

Memastikan integritasi aplikasi teras dan aplikasi sokongan berjalan lancar tanpa gangguan.



SUBPROGRAM

1. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+* dan *MEDCAST 3.0* dengan *Medical Device Authority Register (MDAR)*
2. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+* dan *MEDCAST 3.0* dengan *Medical Device Financial and Accounting System (MeDiFAST)*
3. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+* dan *MEDCAST 3.0* dengan *Medical Device Centralized Reporting System (MeDCReSt)*
4. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+* dan *MEDCAST 3.0* dengan *MyDigitalID*.
5. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MeDC@St) 2.0+* dan *MEDCAST 3.0* dengan *e-Permit*
6. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MEDCAST) 3.0* dengan *Malaysian Government Central Data Exchange (MYGDX)*
7. Integrasi data antara *Medical Device Centralised Application System (MEDCAST) 3.0* dengan *Government Public Key Infrastructure (GPKI)*



PROGRAM 2

Penyelarasan data antara agensi dan pelanggan

Objektif :

Memastikan permintaan data adalah selaras dengan keperluan permohonan antara agensi dan pelanggan serta diurus secara teratur.

STRATEGI 4: Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA)



PROGRAM 1

Pembentukan jawatankuasa dan pasukan *Enterprise Architecture* (EA)

Objektif :

Mewujudkan struktur tadbir urus EA di peringkat MDA melalui penubuhan Jawatankuasa dan Pasukan Kerja Enterprise Architecture bagi menyelaraskan perancangan serta pelaksanaan inisiatif seni bina perusahaan.



SUBPROGRAM

1. Taklimat kesedaran EA
2. Lantikan Jawatankuasa dan Pasukan EA



PROGRAM 2

Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA)

Objektif :

Memantapkan tadbir urus dan pelaksanaan projek ICT secara strategik dan berkesan.

TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DIGITAL



STRATEGI 1:
**Memperkuh Pengurusan Teknikal dan Keperluan
Perkakasan ICT**



PROGRAM 1

Perolehan sewaan peralatan ICT mengikut keperluan

Objektif :

Memastikan Naik taraf keperluan peralatan ICT bagi memenuhi keperluan kerja kakitangan MDA.



PROGRAM 2

Perolehan langganan perisian ICT mengikut keperluan

Objektif :

Memastikan Naik taraf keperluan perisian ICT bagi memenuhi keperluan kerja kakitangan MDA

STRATEGI 2:
Memperkukuh Infrastruktur dan Prestasi Digital



PROGRAM 1

Naik taraf Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian

Objektif :

Menyediakan sambungan yang lebih luas, pantas dan boleh dipercayai bagi menyokong keperluan operasi serta aplikasi digital organisasi secara berkesan.



SUBPROGRAM

1. Pengukuhan dan Kestabilan Capaian Rangkaian Internet MDA
2. Melaksanakan rangkaian berkembar (HA) dan SD-WAN *intelligent failover* bagi bangunan baru MDA



PROGRAM 2

Naik taraf Bilik Server dan Adaptasi teknologi pengkomputeran awan

Objektif :

1. Naik taraf pusat data dengan infrastruktur yang selamat, berskala dan mampu menjamin kesinambungan perkhidmatan ICT kritikal.
2. Mengadaptasi teknologi pengkomputeran awan dan perkhidmatan gunasama bagi meningkatkan kecekapan serta mengoptimumkan penggunaan sumber.



SUBPROGRAM

1. Membangunkan prosedur operasi standard (SOP) *Data Archiving & Retention*
2. Naik taraf kapasiti *server resources* Bilik Server
3. Naik taraf kapasiti server resources MyGovCloud@PDSA
4. Naik taraf sistem pengoperasian (*operating system*)

STRATEGI 2:
Memperkuh Infrastruktur dan Prestasi Digital



PROGRAM 3

Naik Taraf Teknologi Keselamatan Siber Dan Data

Objektif :

Menjamin kualiti sistem aplikasi melalui pemantauan berterusan bagi meningkatkan kebolehpercayaan, dan keselamatan aplikasi serta keyakinan pengguna.



SUBPROGRAM

1. Pelaksanaan pemantauan keselamatan siber secara berkala
2. Pelaksanaan *Security Posture Assessment (SPA)* bagi sistem aplikasi MDA

TERAS STRATEGIK 3 : PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN MODAL INSAN DIGITAL



STRATEGI 1: Pengukuhan Pengurusan Tadbir Urus Digital



PROGRAM 1

Pengukuhan prosedur ICT sedia ada dan pembangunan prosedur ICT yang baharu.

Objektif :

Memastikan semua proses kerja di laksanakan mengikut SOP yang ditetapkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan ICT.



PROGRAM 2

Pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT)

Objektif :

Memastikan pematuhan dan kefahaman pengguna kepada dasar keselamatan sedia ada.



PROGRAM 3

Pemeriksaan jawatankuasa tadbir urus digital

Objektif :

Memastikan struktur tadbir urus digital yang terkini dan relevan.

STRATEGI 1: Pengukuhan Pengurusan Tadbir Urus Digital



PROGRAM 1

Semakan separuh penggal PSP MDA 2026-2030

Objektif :

Memastikan pelaksanaan perancangan program perkhidmatan digital MDA diuruskan dengan cekap dan berkesan.



PROGRAM 2

Pembangunan PSP 2031-2035

Objektif :

Memastikan kesinambungan perancangan pembangunan program perkhidmatan digital dapat dilestarikan.

STRATEGI 2:
Pengukuhan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Digital



PROGRAM 1

Pembangunan Pelan Latihan Kemahiran ICT

Objektif :

Memastikan perancangan latihan yang dirancang berjalan lancar mengikut pelan yang dibangunkan.



SUBPROGRAM

1. Pembangunan Pelan Latihan Aplikasi kepada warga MDA



PROGRAM 2

Peningkatan Kemahiran Digital



SUBPROGRAM

1. Program Latihan Aplikasi kepada warga MDA
2. Program Pembudayaan ICT

PELAN PERLAKSANAAN

2026 - 2030

**TERAS 1:
PEMANTAPAN SISTEM DIGITAL MDA**

**STRATEGI 1:
Pembangunan Aplikasi Baharu**



PROGRAM 1

Pembangunan Aplikasi Teras

2026

2027

2028

2029

2030



PROGRAM 2

Pembangunan Aplikasi Sokongan

2026

2027

2028

2029

2030

**STRATEGI 2:
Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada**



PROGRAM 1

Penambahbaikan Aplikasi Teras

2026

2027

2028

2029

2030



PROGRAM 2

Penambahbaikan Aplikasi Sokongan

2026

2027

2028

2029

**TERAS 1:
PEMANTAPAN SISTEM DIGITAL MDA**

**STRATEGI 3:
Pengukuhan Integrasi Data Antara Agensi**



PROGRAM 1

2026

2027

2028

2029

2030

Integrasi Aplikasi Teras Dan Aplikasi Sokongan MDA



PROGRAM 2

2026

2027

2028

2029

2030

Penyelarasan data antara agensi dan pelanggan

**STRATEGI 4:
Pembangunan Enterprise Architecture (EA)**



PROGRAM 1

2026

2027

2028

2029

2030

Pembentukan Jawatankuasa dan pasukan Enterprise



PROGRAM 2

2027

2028

Pembangunan Enterprise Architecture (EA)

**TERAS 2:
PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DIGITAL
BAGI KECEKAPAN OPERASI ICT**

**STRATEGI 1:
Memperkukuh Pengurusan Teknikal dan Keperluan
Perkakasan ICT**



PROGRAM 1

2026

2027

2028

2029

2030

Pengukuhan Pengurusan dan Penyelenggaraan Aset Perkakasan ICT



PROGRAM 2

2026

2027

2028

2029

2030

Pengukuhan Pengurusan dan Penyelenggaraan Sewaan Perkakasan ICT

**TERAS 2:
PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN DIGITAL
BAGI KECEKAPAN OPERASI ICT**

**STRATEGI 2:
Memperkukuh Infrastruktur dan Prestasi Digital**



PROGRAM 1

2026

2027

2028

2029

2030

Naik taraf Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian



PROGRAM 2

2026

2027

2028

2029

2030

Naik taraf Bilik Server dan Adaptasi teknologi pengkomputeran awan



PROGRAM 3

2026

2027

2028

2029

2030

Naik Taraf Teknologi Keselamatan Siber Dan Data

**TERAS 3:
PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN MODAL INSAN DIGITAL**

**STRATEGI 1:
Pengukuhan Pengurusan Tadbir Urus Digital**



PROGRAM 1

2026

2027

2028

2029

2020

Pengukuhan prosedur ICT sedia ada dan pembangunan prosedur ICT yang baharu.



PROGRAM 2

2026

2027

2028

2029

2030

Pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT)



PROGRAM 3

2026

2027

2028

2029

2030

Pemeriksaan jawatankuasa tadbir urus digital



PROGRAM 4

2026

2027

2028

2029

2030

Semakan separuh penggal PSP MDA 2026-2030



PROGRAM 5

2026

2027

2028

2029

2030

Pembangunan PSP 2031-2035

**TERAS 3:
PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN MODAL INSAN DIGITAL**

**STRATEGI 2:
Pengukuhan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Digital**



PROGRAM 1

Pembangunan Pelan Latihan Kemahiran ICT

2026

2027

2028

2029

2030



PROGRAM 2

Peningkatan Kemahiran Digital

2026

2027

2028

2029

2030

PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PSP MDA) 2026–2030 merupakan dokumen pelan induk yang merangkumi tiga teras strategik bagi membangunkan serta mengoptimumkan penggunaan teknologi digital secara menyeluruh. Pelan ini dirangka untuk memanfaatkan pendigitalan secara bersepadu ke arah menyokong pencapaian hala tuju dan objektif strategik penyampaian perkhidmatan MDA bagi tempoh lima tahun.

Dengan komitmen dan sokongan padu daripada pihak pengurusan tertinggi serta seluruh warga MDA, pelaksanaan PSP MDA 2026–2030 diyakini dapat direalisasikan secara berkesan bagi mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan MDA ke arah yang lebih cekap, berintegriti dan berfokuskan pelanggan.

Pencapaian program dan aktiviti yang digariskan dalam pelan ini akan dipantau secara berterusan dan dinilai semula pada pertengahan tempoh pelaksanaan bagi memastikan keberkesanan serta keselarasan dengan keperluan semasa. PSP MDA 2026–2030 akan terus berperanan sebagai pemangkin kepada kecemerlangan tadbir urus dan penyampaian kawal selia peranti perubatan demi menjamin kesejahteraan bersama.